



SMK JALAN TIGA
JALAN 3/4
43650, HULU LANGAT, SELANGOR
Tel: 0389261755 Faks: 0389262755
Kod Sekolah: BEA4614



Kepada: Guru, Ibu Bapa/Penjaga & Murid

Salam Sejahtera Tuan/Puan,

'SYNC SCHOOL MESSAGING' (SSM) SEBAGAI MEDIUM KOMUNIKASI ELEKTRONIK RASMI SEKOLAH

1. Sukacitanya dimaklumkan bahawa pihak SMK JALAN TIGA menggunakan **Sync** sebagai medium komunikasi elektronik rasmi sekolah. Dengan ini sebarang maklumat dan **informasi terkini** tentang pembelajaran dan pembangunan anak-anak Tuan/Puan, aktiviti Sekolah dan aktiviti PIBG akan dihantar terus ke telefon pintar melalui 'push notification'. Ini juga dapat mengurangkan kos kertas dan surat-menyurat yang semakin tinggi.
2. Oleh itu, Tuan/Puan yang masih belum memuat turun Sync disarankan untuk berbuat demikian secepat mungkin agar tidak ketinggalan dalam mendapatkan maklumat terkini daripada pihak sekolah. Selain dari itu, pihak Sekolah juga boleh berhubung terus dengan ibu bapa sekiranya berlaku sebarang kecemasan berkaitan anak-anak semasa di sekolah.
3. Sync boleh dimuat turun secara **PERCUMA** di Google Play Store (untuk Android) dan Apple Store (untuk iPhone/iPad) dengan kata carian **Sync School Messaging**. Sila rujuk brosur yang dilampirkan untuk maklumat lanjut termasuk kaedah penggunaan. **Kata carian nama sekolah di aplikasi Sync ialah SMK JALAN TIGA.**
4. Semoga kerjasama yang diberikan oleh Tuan/Puan akan memberi manfaat berpanjangan kepada pembelajaran anak-anak disamping memudahkan semua pihak, khususnya guru dan ibu bapa atau penjaga.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang Menurut Perintah,
PIHAK PENTADBIR SMK JALAN TIGA

Surat ini dicetak secara digital dan tidak memerlukan tandatangan